

- (c) Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan;
- (d) Resit Bayaran Premium Insurans;
- (e) Jaminan bagi bayaran pendahuluan telah dikemukakan dan disahkan;
- (f) Nombor Pendaftaran PERKESO; dan
- (g) Nombor Akaun Bank Kontraktor.

15.2.5 Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan berserta jaminan bagi bayaran pendahuluan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh milik tapak.

15.2.6 Bayaran balik pendahuluan hendaklah dibuat melalui potongan ke atas bayaran interim yang kena dibayar kepada Kontraktor apabila nilai kerja mencapai 25% dan diselesaikan selewat-lewatnya setelah nilai kerja mencapai 75%.

15.2.7 Bayaran balik Bayaran Pendahuluan hendaklah dibuat dengan potongan ke atas Bayaran Interim mengikut peringkat kerja atau mengikut peringkat bekalan yang telah disempurnakan berdasarkan dua perkiraan berikut:

$$RMD = 200 \frac{A}{B} \text{ peratus daripada RM P}$$

Di mana,

RM D = Potongan kumulatif yang perlu dibuat dalam setiap Perakuan Interim

RM A = Amaun wang pendahuluan yang telah dibayar;

RM B = Nilai Kontrak Kerja Pembina

RM P = Nilai Kerja Pembina yang dilaksanakan (termasuk amaun bahan-bahan binaan di tapak) setelah mencapai 25% nilai RM B.